


**PESAKIT** skizofrenia biasanya mempunyai *split personality* iaitu alam khayalan dan realiti.



**SEJARAH** penggunaan alkohol juga dikaitkan dengan faktor perlakuan jenayah. – Gambar hiasan



**PENYALAHGUNAAN** dadah antara faktor yang mendorong jenayah seumpama ini. – Gambar hiasan

**D** IDERA, diperkosa, diliwat, dibunuh dan ditinggalkan dalam keadaan yang cukup mengaibkan adalah satu jenayah yang cukup kejam.

Tragedi yang menggundang pelbagai persoalan ini cukup menggambarkan seolah-olah si pelaku sudah hilang sifat keperimanasian.

Atau mungkinkah si pelaku sebenarnya menghadapi masalah mental sehingga menyebabkan dia hilang kawalan diri, pertimbangan dan sifat perikemanusiaan?

Justeru, apakah faktor sebenar yang menggundang tragedi seumpama ini berlaku?

Adakah wajar kes jenayah ini harus diletakkan pada bahu mangsa semata-mata yang menggundang peristiwa tidak diduga ini, atau si pelaku atau faktor persekitaran?

**Pakar Perunding Psikiatri, Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Dr. Osman Che Bakar** berkata, bergantung kepada sesuatu kejadian, tragedi seumpama ini boleh disebabkan oleh sama ada kombinasi ketiga-tiga faktor ini atau tertumpu kepada si pelaku atau si mangsa sahaja.

Menurut beliau, jika jenayah ini dicituskan oleh si pelaku, keperibadiannya adalah sebagai punca utama.

"Jika si pelaku mempunyai masalah personaliti, menghidap masalah psikiatri yang serius atau di bawah kawalan dadah dan alkohol, ia boleh menyumbang ke arah masalah seumpama ini," jelasnya.

Faktor-faktor ini menyebabkan si pelaku gagal membuat pertimbangan, tidak boleh mengawal keinginan dan kesedaran.

Beliau menambah, biasanya individu yang terbabit dengan jenayah ini terdiri daripada mereka yang datangnya daripada keluarga yang porak peranda.

"Keadaan keluarga yang porak-peranda boleh membentuk individu mempunyai personaliti bercelaru kerana keluarga terbabit gagal untuk menyediakan satu modul yang baik," jelasnya.

Menurut beliau, faktor genetik juga penting dalam membentuk keperibadian seseorang.

Sehubungan itu, mereka yang terbabit dengan kes-kes seumpama ini juga mempunyai keluarga yang berkeperibadian dan berlatarbelakangkan sifat-sifat seperti bengis, kasar dan agresif.

Tambahnya, jika individu terbabit menghadapi masalah mental yang serius seperti skizofrenia dan *maniac ia* juga boleh mendorong kepada kejadian jenayah ini.

"Biasanya, individu terbabit mempunyai perwatakan yang kasar, nafsu seks yang luar biasa dan begitu agresif.

"Pada masa yang sama, mereka juga mempunyai masalah paranoid iaitu mereka tidak dapat mempercayai dan mempunyai syak wasangka terhadap orang lain," katanya.

Golongan ini, jelas Dr. Osman, menghadapi masalah gangguan pertimbangan.

Malah ada di kalangan mereka beranggapan bahawa mereka di bawah kawalan kuasa asing yang memaksa mereka bertindak melakukan sesuatu di luar kawalan mereka.

Jelasnya, mereka juga tidak dapat membezakan dan menentukan sesuatu yang rasional dan tidak dapat mengawal keinginan diri.

Lebih malang lagi, si pelaku yang mempunyai psikopatik personaliti ini tidak akan belajar daripada kesilapan yang pernah dilakukan dan berpotensi mengulangi perbuatan mereka.

"Mereka yang mempunyai personaliti antisosial juga boleh bertindak agresif dan ganas," katanya.

Selain itu, Dr. Osman memberitahu, mereka yang menghidap sesetengah penyakit seperti gangguan endokrin juga boleh menyebabkan keinginan seks mereka jauh lebih luar biasa.

Mereka yang terbabit dalam kes-kes jenayah ini juga mungkin pernah menjadi mangsa penderaan pada masa lampau atau mempunyai sejarah keluarga yang menghadapi masalah ini.

Bagaimanapun, jika keadaan diri mangsa contohnya pakaian dilihat bukan sebagai faktor pencetus, kelemahan yang ada pada diri seperti sikap kurang berhati-hati boleh mendedahkan mereka kepada jenayah ini.



**DR. OSMAN CHE BAKAR**

Pakar Perunding Psikiatri,  
Hospital Universiti  
Kebangsaan Malaysia  
(HUKM)

**DA**

**MANC  
Gamb**

PUNCA

# PENDERAAN DAN PERKOSAAN



MANGSA rogol didera, diperkosa, diliwat dan dibunuh dalam keadaan mengaibkan. —  
Gambar hiasan

Faktor persekitaran yang tidak dapat dinafikan sebagai faktor penyumbang, seperti suasana atau tempat kejadian, film atau majalah yang menayangkan cerita ganas juga boleh menjadi pendorong masalah ini.

## GEJALA

Dr. Osman memberitahu, individu yang berisiko untuk melakukan jenayah seumpama ini dapat dilihat melalui beberapa faktor iaitu:

berpusat ke...  
Sehubung  
perlu seiring  
"Sebaik-ba  
tohnya peke  
ganda.  
"Di sebalik

Jika mereka mempunyai personaliti yang bermasalah, ia dapat dilihat berdasarkan perlakuan si pelaku yang terdahu-  
lu antara lain seperti:

- Mempunyai rekod jenayah
- Pernah mendapatkan rawatan psikiatri
- Sejarah penyalahgunaan alkohol
- Datang daripada ahli keluarga yang bermasalah
- Sering menimbulkan masalah di tempat kerja, sekolah dan lain-lain

## KESAN PADA MANGSA

Sesetengah kes mungkin menyebabkan kematian kepada mangsa, bagaimanapun bagi kes-kes yang tidak mem-  
babitkan kematian ia akan menimbulkan:

- Trauma emosi seperti gangguan kemurungan (*depression*), keresahan, cepat marah dan sebagainya.

- Rasa rendah diri, tiada motivasi, rasa malu, rasa diri tidak berguna dan boleh mengambil keputusan membunuh diri.

- Gangguan hubungan sosial - sering menaruh syak wasangka pada orang lain terutama kepada individu yang mempunyai persamaan dengan si pelaku.

- Sukar menaruh kepercayaan terhadap orang lain, sebahagian tidak dapat menjalani fungsi sosial dengan baik.

- Gangguan seksual - individu terbabit biasanya sering menghadapi masalah dalam hubungan kelamin suami isteri.

Ini kerana kejadian yang dialami sering bermain-main dalam ingatan dan mimpi.

- Penyalahgunaan dadah dan alkohol - apabila rasa tertekan atau kemurungan, mereka akan mencari jalan keluar dengan cara menjadi seorang penagih dadah untuk mengatasi masalah emosi yang dihadapi.

Bagaimanapun, bagi mereka yang mempunyai personaliti yang stabil dan mendapat sokongan yang baik, mangsa dapat menerima keadaan yang dilalui dengan hati terbuka dan redha.

Hasil kajian yang dilakukan di luar negara mendapati kebanyakan individu yang terlibat dalam kes jenayah seumpama ini terdiri daripada individu yang dikenali.

Bagaimanapun, demi mempertahankan status quo mereka lebih rela kejadian seumpama ini tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa.

## MENGHINDARI

Ungkapan kata pepatah sering mengatakan 'malang tidak berbau'. Namun ini tidak bermakna kes-kes jenayah seumpama ini dibiarkan berlaku tanpa mengambil sebarang inisiatif.

Sehubungan itu beberapa langkah berjaga-jaga boleh dilakukan untuk mengelakkan jenayah seumpama ini berlaku seperti:

- Memastikan diri sentiasa berjaga-jaga dalam apa jua keadaan.

Cadangan bagi wanita membawa wisel dan serbuk lada adalah suatu idea yang boleh difikirkan.

- Memberi perlindungan terutama kepada mereka yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, wanita dan golongan yang mempunyai mental yang kurang normal berbanding individu biasa.

Mereka yang mempunyai hubungan kekeluargaan seperti isteri dan keluarga pesakit mental. Ini kerana golongan ini berisiko lebih tinggi berbanding orang lain.

Mengulas hubung kait kemajuan negara dengan peningkatan masalah mental, Dr. Osman tidak menafikan bahawa sesebuah negara yang bertambah maju akan menjadikan penduduknya lebih kompetitif.

"Kehidupan yang menuntut persaingan yang cukup tinggi ini boleh menyumbang timbulnya tekanan dan kegelisahan," katanya.

Kemajuan ekonomi menyebabkan lebih ramai ahli keluarga mengabaikan keluarga kerana tumpuan dan aktiviti lebih berpusat ke arah ekonomi.

Sehubungan itu, katanya, perkembangan emosi, psikologi dan fizikal perlu seiring bagi setiap individu menghadapi cabaran yang mendatang.

"Sebaik-baiknya kita tidak terlalu ekstrem dalam satu-satu perkara contohnya pekerjaan yang dilakukan sehingga meningkat dua hingga tiga kali ganda.

"Di sebalik mengejar kebendaan, kita juga harus meletakkan keutamaan pada perkara-perkara seperti mempunyai waktu rehat yang secukupnya dan bersama keluarga," jelasnya.

Katanya, kecemerlangan diri seseorang bermula daripada mental yang sihat.